



---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**25 JULAI 2022 (ISNIN)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHMAL, PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**25 JULAI 2022 (ISNIN)**

## Pembekal minyak masak keras kepala

**KUALA LUMPUR:** Minyak masak dalam botol didapati masih dijual pada harga yang tinggi walaupun harga minyak sawit mentah (CPO) telah turun ke paras sekitar RM3,800.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di beberapa lokasi di Lembah Klang mendapati, masih ada peniaga yang menjual minyak masak dalam botol lima kilogram pada harga RM42.90 sedangkan kerajaan sudah mengarahkan harganya diturunkan.

Mengikut simulasi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebelum ini, kadar CPO semasa sepatutnya menyebabkan harga minyak masak botol lima kilogram dipasarkan di peringkat peruncit sekitar RM30.65.

Bagaimanapun, kesan langsung daripada penurunan harga CPO dilihat berlaku amat perlahan di peringkat jualan runcit.

Keadaan itu juga menyebabkan peruncit enggan mendapatkan bekalan minyak kerana harga terlalu tinggi.

Seorang peruncit yang enggan mendedahkan namanya berkata, meskipun banyak permintaan daripada pengguna, namun beliau tidak dapat membekalkan minyak masak botol kerana harga masih tinggi.

"Harga terlalu tinggi, tak turun pun seperti yang kerajaan arahkan, macam mana saya nak jual kepada pengguna?"

"Stok ini baru sahaja sampai (semalam), sebelum ini kita tak pernah ambil minyak masak jenama ini tetapi stok ini pembekal sendiri yang hantar, harganya RM42.90."

"Yang ramai orang ambil ialah minyak masak paket, dan minyak paket sudah habis dijual," katanya yang membuka pasar mini di Seksyen 14 Peta-

ling Jaya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Mydin, Datuk Dr. Ameer Ali Mydin berkata, kerajaan tidak wajar menyalahkan peruncit kerana harga bekalan minyak masak masih diperolehi masih pada kadar harga yang tinggi.

"Isu ini perlu dijawab oleh pihak pembekal mengapa harga minyak masak botol lima kilogram masih tidak berkurangan seperti yang diarahkan kerajaan."

"Pembekal bagi harga RM38. Jadi, macam mana kita nak jual RM30.80? Sebab walaupun CPO menurun tapi bila tanya pembekal, mereka kata perlukam masa, dan anggapan saya masa itu dalam sebulan ke sebulan setengah."

"Menteri kena tanya pembekal, Sime Darby, Feida, Lam Soon, tanya mereka kenapa harga RM38? soalnya ketika dihubungi, semalam."



**ORANG** ramai masih bergantung kepada minyak masak paket berikutan harga minyak dalam botol yang kekal tinggi.

# Pelanggan kena tulis nama beli minyak masak peket

**Pekedai sekitar Rantau Panjang benar dapatkan 1kg sahaja barang bersubsidi**

Oleh Syaherah Mustafa  
bhnews@bh.com.my

**Rantau Panjang:** Pemilik kedai runcit di sekitar Rantau Panjang mewajibkan pelanggan menulis nama jika mahu membeli minyak masak bersubsidi.

Tinjauan di beberapa kedai runcit mendapati selain syarat berkenaan perlu dipatuhi, se-

tiap pembeli juga dihadkan pembelian satu kilogram (kg).

Pembeli, Fatim Nur Najwa Che Razak, 28, berkata dia mencatatkan nama sejak dua minggu lalu kerana dimaklumkan ia adalah arahan daripada pihak berkuasa.

"Saya akur demi mendapatkan minyak masak. Setakat ini, minyak masak satu kilogram dijual pada harga RM2.80 sehingga RM3 sepeket.

#### **Tekod permudah urusan**

"Sebelum ini, kami diwajibkan membeli gula kemudian baru dibenarkan membeli minyak namun kini 'taktik' berkenaan sudah tiada selepas isu minyak masak menjadi perbualan hangat," katanya yang mengambil

inisiatif membeli minyak masak setiap kali ke kedai runcit supaya stok di dapur tidak putus.

Peruncit yang mahu dikenali sebagai Zailah, 42, berkata dia merekodkan nama pembeli bagi memudahkan urusan dengan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Dalam perkembangan sama, hasil tinjauan di beberapa pasar raya mendapati minyak 5kg dijual serendah RM39.90 sehingga RM42.50, menunjukkan sedikit penurunan berbanding RM45 sebotol sebelum ini.

Terdapat juga pasar raya yang menjual minyak masak satu kilogram di kaunter pembayaran pada harga RM2.50 sepeket dan



Peniaga kedai runcit, Omar Shaifuddin Isa mengehadkan penjualan dua peket minyak masak bagi setiap pembeli di Pasar Besar Kedai Payang, Kuala Terengganu.  
(Foto Ghazali Kori/BH)

dihadkan kepada dua kilogram seorang.

Selain itu, beberapa kedai runcit di pekan Rantau Panjang

didapati kehabisan bekalan minyak masak peket mahupun botol susulan permintaan tinggi selain stok terhad.





Penguat kuasa KPDNHEP memeriksa minyak masak peketa bersubsidi yang disimpan di sebuah pasar raya di Kota Warisan Sepang.

## Pasar raya tetapkan syarat jualan dikenakan tindakan

**Putrajaya:** Pelanggan disyaratkan membeli barangan lain bagi mendapatkan minyak masak peketa bersubsidi satu kilogram (kg).

Itu antara syarat dikenakan sebuah pasar raya di Kota Warisan, Sepang yang akhirnya dikenakan tindakan kerana menjualnya secara bersyarat.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam, berkata KPDNHEP Cawangan Sepang Jumaat lalu, sudah

mengambil tindakan susulan aduan orang awam.

Beliau berkata, anggota penguat kuasa yang berpakaian preman menjalankan pemeriksaan di premis berkenaan dan mengesahkan wujud perlakuan urusan niaga tidak beretika oleh peniaga pasar raya terbabit membabitkan barang kawalan bersubsidi minyak masak peketa 1kg.

"Ketika pemeriksaan, peniaga premis itu gagal mengemukakan dokumen deklarasi maklumat berhubung keberadaan sebenar bekalan minyak masak ber-

subsidi yang dipasarkan.

"Kegagalan peniaga itu membolehkan penguat kuasa KPDNHEP membuat siasatan ke atas premis mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 (AKB 1961)," katanya melalui satu kenyataan semalam.

Azman berkata, hasil pemeriksaan mendapati premis itu menyimpan sejumlah minyak masak bersubsidi peketa 1kg di stor.

"Sejumlah 1,944 unit minyak masak peketa bersubsidi 1kg bernilai RM4,860 dan lain-lain dokumen dirampas," katanya.

Peniaga culas turut letak syarat sebelum benarkan pelanggan beli barang bersubsidi

## Sorok minyak masak peket dalam stor

Oleh EDDY HAMIDI

**SEPANG** - Tindakan sebuah pasar raya di Kota Warisan di sini, yang menyorokkan dan melakukan penjualan minyak masak bersubsidi peket 1 kilogram (kg) secara bersyarat membawa padah apabila premis itu diserbu pihak berkuasa Jumaat lalu.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam berkata, sebaik menerima aduan daripada orang ramai, sepasukan anggota penguat kuasa KPDHNEP Sepang telah melakukan pemeriksaan ke premis berkenaan dengan berpakaian preman.

"Bagaimanapun, ketika pemeriksaan dilakukan, dokumen deklarasi maklumat berhubung keberadaan sebenar bekalan minyak masak bersubsidi peket 1kg gagal diberikan oleh pemilik premis kepada pasukan penguat kuasa.

"Situasi ini telah memberi isyarat kepada pasukan pemeriksa untuk membuat siasatan susulan ke atas premis yang diadakan di bawah Akta Kawalan Bekalan



**ANGGOTA** penguat kuasa KPDHNEP Sepang memeriksa sejumlah bekalan minyak masak peket bersubsidi yang disorokkan di stor sebuah pasar raya di Kota Warisan, Sepang dalam serbuan pada Jumaat lalu.

1961 (AKB 1961) itu," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurut Azman, hasil pemeriksaan telah mengesan

dan mengesyaki wujud perlakuan tidak beretika oleh peniaga iaitu menjual dan membekalkan barang kawalan bersubsidi itu se-

cara bersyarat kepada pelanggan, selain didapati menyimpan sejumlah produk tersebut di dalam stor.

"Premis berkenaan telah dikenakan tindakan di bawah Seksyen 19, AKB 1961 atas kesalahan menjual barang kawalan berjadual secara bersyarat dan pasukan penguat kuasa turut merampas 1,944 unit minyak masak peket 1kg bernilai RM4,860 serta dokumen urus niaga berkaitan.

"Jika disabit kesalahan di bawah Seksyen 22 (1) AKB 1961, kesalahan tersebut boleh didenda tidak melebihi RM1 juta bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya," ujar beliau.

Azman berkata, lain-lain potensi kesalahan turut disiasat seperti keengganan menjual barang berjadual dengan kuantiti munasabah kepada pelanggan dan penyelenggaraan buku stok bagi barang berjadual oleh pemborong dan peruncit.

"Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP akan bertindak tegas serta tidak akan berkompromi dalam menguatkuasakan undang-undang untuk membanteras sindiket penyelewengan barang kawalan dan subsidi demi kepentingan pengguna," tegas beliau.



Oleh Syaherah Mustafam@hmetro.com.my

Rantau Panjang

Pelanggan disyaratkan menulis nama bagi membeli paket minyak masak bersubsidi satu kilogram jika mahu membuat pembelian barangan terkawal berkenaan.

Tinjauan di beberapa kedai runcit di sini, semalam mendapati catatan nama diwajibkan dengan pembelian dihadkan satu kilogram seorang.

Pembeli, Fatin Nur Najwa Che Razak, 28, berkata, dia menerima arahan daripada peruncit memberikan nama sejak dua minggu lalu kerana difahamkan ia arahan pihak berkuasa.

"Saya akur sahaja dengan arahan demi mendapatkan minyak masak untuk kegunaan harian. Setakat ini, minyak masak satu kilogram

# Tulis nama beli minyak

## Syarat dikenakan peruncit kepada pembeli bahan subsidi, terhad sekilogram seorang

dijual pada harga RM2.80 sehingga RM3 sepeket di sekitar kawasan kampung.

"Sebelum ini, kami diwajibkan membeli gula dahulu kemudian baru dibenarkan beli minyak masak namun kini tiada selepas isu minyak masak menjadi perbualan hangat.

"Bagaimanapun, tidak semua kedai runcit menjual barangan kawalan ini, malah bekalan juga didakwa terhad," katanya.

Sementara itu, peniaga



Sebelum ini, kami diwajibkan membeli gula dahulu kemudian baru dibenarkan beli minyak masak namun kini tiada selepas isu minyak masak menjadi perbualan hangat"

Fatin Nur Najwa

yang mahu dikenali sebagai Zailah, 42, berkata, catatan nama diambil bagi memudahkan rekod jual beli untuk dipamerkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Dalam perkembangan sama, tinjauan di beberapa pasar raya mendapati minyak masak lima kilogram dijual antara RM39.90 sehingga RM42.50, menurun berbanding RM45 sebotol sebelum ini.

## KPDNHEP serbu pasar raya sorok minyak masak peket

**SEPANG** - Sebuah pasar raya di Kota Warisan di sini diserbu penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pada Jumaat selepas dipercayai menyorok minyak masak peket.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Azman Adam berkata, serbuan dijalankan berdasarkan aduan yang diterima daripada orang ramai mengenai kegiatan pasar raya tersebut yang menyorok barang kawalan itu.

"Pemeriksaan awaf dilakukan oleh anggota penguat kuasa KPDNHEP yang berpakaian preman berjaya merungkai kegiatan pihak pasar raya tersebut.

"Hasil pemeriksaan yang dijalankan mendapati wujud perlakuan tidak beretika oleh peniaga iaitu menjual atau membekalkan barang kawalan bersubsidi minyak masak peket secara penjualan bersyarat kepada pelanggan," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Katanya, selain itu, hasil pemeriksaan turut mendapati pasar raya tersebut menyimpan minyak masak peket 1 kilogram di stor.


"Sebanyak 1,944 unit minyak masak dan beberapa dokumen urus niaga berkaitan kemudiannya dirampas dengan nilai sebanyak RM4,860.

"Tindakan dijalankan di bawah Seksyen 19, Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan 13(1)&(2) Peraturan Kawalan Bekalan 1974," katanya.



Sebuah pasar raya di Kota Warisan, Sepang diserbu penguatkuasa KPDNHEP selepas didapati menyorok minyak masak bersubsidi dalam operasi yang dijalankan pada Jumaat.



 Senarai Harga Barang Keperluan	• Ayam <b>RM6.99</b>	• Telur Cerd A <b>RM12.60</b>	• Gula Pasir <b>RM2.85</b>	• Cili Merah <b>RM12</b>
	• Daging Lembu Tempatan <b>RM36</b>	• Ikan Kembung <b>RM8.90</b>	• Bawang Besar Holland <b>RM2.50</b>	• Kubis Tempatan <b>RM3.20</b>
	• Daging Lembu Import <b>RM53.90</b>	• Minyak Masak <b>RM6.55</b>	• Bawang Putih <b>RM4.99</b>	• Tepung Gandung <b>RM2.60</b>
				*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP